

Newspaper	Berita Harian
Date	20/7/2013

Minda Pengarang

Transformasi sikap, kualiti pemandu teksi

BH
20/7/2013

Kepesatan ekonomi dan keperluan pengangkutan awam yang cekap memerlukan perkhidmatan teksi berkualiti seperti yang dilakukan oleh 'Yellow Cab' di Amerika Syarikat (AS) dan 'London Taxi' di United Kingdom (UK). Harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mahukan peningkatan perkhidmatan teksi setanding negara Barat boleh direalisasikan jika semua pihak terbabit bersedia untuk meningkatkan kualiti pengangkutan awam. Dalam hal ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) perlu melakukan transformasi industri teksi, dengan meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan pemandunya, sekali gus menambah baik kualiti perkhidmatan dan imej negara. Pemandu teksi pula perlu cekap dan ikhlas mengendalikan tugas mereka serta mengelakkan timbul dakwaan tambang naik tetapi kualiti pada tahap lama. Sebelum ini ramai pengguna merungut mengenai kualiti perkhidmatan teksi yang tidak setanding dengan kadar tambangnya. Ada juga yang mempersoalkan peringatan yang dipamerkan pada pintu semua teksi sekadar slogan kosong. Walaupun dicatatkan 'ini teksi bermeter, tawar-menawar adalah dilarang, minta resit', namun kejadian pemandu teksi enggan menggunakan meter dan mengenakan tambang sesuka hati ke sesuatu destinasi masih berlaku secara berleluasa. Tiada alasan mereka berbuat demikian kerana kali terakhir kadar tambang disemak pada 2009 memberi kelegaan kepada pemandu menjalankan operasi.

Sehubungan itu, SPAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) perlu meningkatkan operasi dan memantau tindakan segelintir pemandu yang boleh menjejaskan imej perkhidmatan teksi di negara ini. Kita yakin pemberian lesen persendirian kepada 1,000 pemandu teksi di bawah program Teksi 1Malaysia (TEKS1M) adalah sebahagian daripada transformasi SPAD dalam memperkasakan industri teksi negara. TEKS1M adalah titik permulaan usaha bagi melakukan lonjakan kepada industri perkhidmatan teksi. Selain memberi lesen kepada individu, kerajaan mahukan piawaian sesuai supaya ia dapat menjadi penanda aras perkhidmatan teksi di negara kita. Sebagai duta kecil negara, pemandu teksi perlu berperanan menjelaskan suasana di Malaysia kepada pelancong asing. Mereka sepatutnya meningkatkan pengetahuan dan mempunyai kemahiran berkomunikasi seperti yang dipraktikkan oleh pemandu teksi di negara Barat. Kita yakin imej dan perkhidmatan teksi boleh ditingkatkan jika pihak terbabit sedia meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan semakan tambang baru yang akan dibentangkan SPAD kepada kerajaan tidak lama lagi.